

**KONSEP TARBIYAH DALAM SURAH LUQMAN MENURUT KITAB
NAZARAT FI KITABILLAH KARYA ZAINAB AL-GHAZALI AL-
JUBAILY(1917-2005)**

SITI ZAHARAH BT.HAMID
ummizaharah@kuis.edu.my

DR.ABUR HAMDIUSMAN
aburhamdi@kuis.edu.my

DR.SOFIAH SAMSUDIN
sofiahs@iium.edu.my

DR.FARHAH ZAIDAR MUHAMED RAMLI
farhahzaidar@kuis.edu.my

Abstrak

Pentarbiyahan anak-anak merupakan isu yang kritikal dalam kalangan masyarakat yang perlu dibincangkan. Ini berdasarkan pelbagai masalah yang semakin membimbangkan berlaku dalam masyarakat Islam, kesan dari terdapat kecelaruan dalam akidah, pengabaian ibadah dan keruntuhan akhlak. Kepentingan tarbiyah jelas selaras dengan matlamat utama penciptaan manusia untuk memenuhi pengabdian kepada Allah SWT. Islam melalui pengajaran al-Quran telah meletakkan landasan yang menjadi teras panduan dalam proses mendidik masyarakat Islam di sepanjang sejarah kemanusiaan. Justeru, artikel ini cuba menghuraikan gagasan pendidikan yang berteraskan bimbingan al-Quran seperti yang terdapat dalam surah Luqman, ayat 12 hingga 19, iaitu melalui tafsiran Zainab al-Ghazali al-Jubaily dalam kitab Nazarat Fi Kitabillah. Pemilihan Zainab al-Ghazali dan karya tafsirnya ini kerana beliau merupakan pentafsir wanita pertama dalam Abad ke Dua Puluh dan karya yang dihasilkannya ini menjadi bukti hasil gigihnya untuk mengembalikan umat Islam kepada penghayatan al-Quran. Berdasarkan metodologi analisis kandungan terhadap kitab ini, didapati tafsiran yang diberi oleh pentafsir mengenai Surah Luqman memberikan penekanan dalam aspek aqidah sebagai teras utama, kesempurnaan dalam ibadah, pembentukan akhlak mulia, di samping menjaga hubungan sesama manusia dan keyakinan terhadap hari pembalasan.

Kata kunci: *Tarbiyah, Luqman, Zainab al-Ghazali al-Jubaily, Nazarat Fi Kitabillah*

1. Pengenalan

Pengabdian kepada Allah SWT merupakan matlamat utama penciptaan manusia. Firma Allah SWT dalam surah al-Zariyat ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Maksudnya :

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaku.

Tugas suci tersebut sukar dicapai tanpa melalui proses kepaahaman dan pentarbiyahan yang menyeluruh. Islam sebagai suatu perlembagaan lengkap bagi kehidupan manusia memiliki kesempurnaan nilai, panduan dan manhaj tarbiyah terunggul lengkap terkandung di dalam kitab suci al-Qur`an al Karim. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 9 :

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَيِّنُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا
كَبِيرًا

Maksudnya :

Sesungguhnya al- Qur`an ini petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

Jelas al-Quran al-Karim adalah kitab suci yang penuh dengan unsur tarbiyah. Konsep utama bertolak dari iman kepada Allah SWT, Pencipta seluruh alam. Konsep tarbiyah dalam Islam jelas dilihat dari kalimat *Al-Rabb*, mengandungi pengertian *al-Inayah*, *al Ri`ayah*, *al-Islah* dan *al -Ta`dib* yang membawa erti keperhatian, penjagaan, pembaikan dan pembentukan akhlak. Di atas pengertian tersebut Allah SWT menamakan diriNya sebagai *al-Murabbi* dan *al-Muaddib* terhadap manusia melalui perutusan para Rasul dan kitab-kitab Samawi yang mengandungi nilai akhlak yang dapat memperkasakan kedudukan manusia sesuai dengan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT. di muka bumi ini (Anuar al-Baaz, 2007).

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah: ayat 30 :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَثَوْنًا ۗ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا يَخْلُقُ شَيْئًا كَمَا تُحِبُّ ۗ ۝۳۰

Maksudnya:

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi..."

Malah setiap aspek kehidupan dan segala keperluan manusia khususnya yang berkaitan hubungan dengan Penciptanya, kewajipan terhadap dirinya sendiri dan masyarakatnya turut dijelaskan melalui Sunnah Rasulullah SAW, manifestasi bagi intisari al Quran :

Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 21 :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ ۗ لِمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۗ ۝۲۱

Maksudnya :

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu siri tauladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

2. Zainab al-Ghazali al-Jubaily : Pentafsir Pertama Wanita

Keperluan untuk menyusuri sejarah dan menyorot kembali peranan dan sumbangan golongan wanita dalam bidang tafsir dan ilmu yang berkaitan al-Quran al-Karim diharap memampukan kita sampai kepada beberapa objektif

penting sesuai dengan hak dan kedudukan wanita. Di antaranya, ia dapat memperkasakan jati diri golongan wanita dengan ajaran dan tuntutan agamanya, bersungguh-sungguh menguasai al-Quran hingga mampu mendidik dan mentarbiyah kaum sejenisnya serta jenarasi seterusnya berlandaskan al-Quran sebagai sumber kebahagiaan dunia dan akhirat (<http://www.ikhwanwiki.com/index.php>).

Bagi mengorak langkah awal ke arah mencapai matlamat tersebut, pemilihan jatuh pada tokoh wanita ulung abad ke Dua puluh *da'iyah, murabbiyah, mujahidah* Zainab Muhammad al-Ghazali al-Jubaily dengan karya tafsir yang diakui ramai sebagai tafsir pertama dari kalangan wanita yang berjudul : “ *Nazarat Fi Kitabillah*” diharap dapat menjadi contoh, dorongan dan ikutan unggul bagi seluruh muslimat sejenisnya (Afaff Abd. Ghafur Hamid, 2007).

Beliau juga bukan sahaja mampu menghasilkan karyanya berdasarkan kefahaman yang benar dan sejajar dengan gagasan kehidupan al-Quran yang menjadi matlamat hidup setiap muslimah, malah beliau benar-benar menjadi tokoh wanita yang gigih berjuang dan berjaya mengisi hampir seluruh kehidupannya dengan penghayatan al-Quran. Beliau sentiasa mengajak kaum sejenisnya untuk hidup dengan pentarbiyahan al-Quran melalui pelbagai bidang hidup yang dilaluinya termasuk sumbangannya dalam bidang tafsir (Muhammad al-Salik Muhammad Fal, 2012).

Berdasarkan sejarah hidup dan pendidikan yang dilalui sejak kecil, keupayaan Zainab dalam memahami gagasan pendidikan al-Quran tidak dapat dipertikaikan. Zainab al-Ghazali al-Jubaily dilahirkan pada 2 Januari 1917M/ 8 Rabiul Awal 1335H di *Mayeet Yaisy* sebuah desa di pusat *Mayeet Ghumar* dalam daerah *ad-Daqiliyah* di Mesir. Keturunan ayahnya sampai kepada khalifah Umar ibn al-Khatab RA, dan nasab ibunya bersambung hingga kepada Sayidina al-Hasan bin Ali bin Abi Talib RA. Datuknya seorang saudagar kapas yang terkenal. Ayahnya sendiri, di samping memiliki dan menjalankan perusahaan kapas adalah merupakan salah seorang ulama' al-Azhar ([http:// www.ikhwanwiki .com /index.php](http://www.ikhwanwiki.com/index.php)).

Zainab al-Ghazali dibesarkan oleh kedua ibu bapanya dalam persekitaran pendidikan Islam yang jelas. Pada peribadi Zainab tercanai kukuh sifat-sifat gigih dan berani hasil didikan ayahnya yang sentiasa berusaha membentuk jati diri muslimah mujahidah yang hebat pada diri puterinya. Beliau sering mengulang pesanannya dengan ungkapan bahawa Zainab tidak perlu banyak bermain-main dengan kawan-kawan, kerana ia adalah *Saiyidah* Zainab.

Beliau sering membawa Zainab bersama ke solat Subuh di masjid dan menghadiri majlis-majlis ta'lim bersama tokoh ulama' al-Azhar. Zainab juga sering diperingatkan agar sentiasa menunaikan semua solatnya pada awal waktu. Kedua ibu bapanya juga sering membacakan kesah-kesah para *Sahabiyah*, malah ayahnya juga sering memanggil Zainab dengan gelaran *Nusaiybah* sempena nama seorang sahabiyah yang terkenal dengan keberaniannya iaitu: *Nusaiybah binti Ka'ab Al-Maziniyah al-Ansoriyah*. Jelas dari sikap ayahnya berusaha gigih seolah-olah telah

menyediakan bagi diri Zainab suatu persiapan untuk hari-harinya yang mendatang (Ibn al-Hasyimi, 1989).

Zainab al-Ghazali melalui pendidikan awal di madrasah kampung halamannya. Beliau juga berkesempatan belajar di sekolah kerajaan di samping mengikuti pengajian agama di tangan para *masyaekh* al-Azhar. Di antara ilmu-ilmu yang dia pelajari adalah ulum hadis, ulum tafsir dan fiqh (<http://www.alukah.net/web/al-shehry/0/27519/#ixzz2yRU5qyCR>).

Selepas kewafatan ayahnya pada tahun 1928, Zainab yang ketika itu berusia sekitar sebelas tahun berpindah bersama ibunya ke Kaherah untuk tinggal bersama saudara-saudara lelakinya yang belajar dan yang berkerja disana. Saudara lelakinya yang tertua Sa'aduddin al-Ghazali tidak bersetuju untuk membenarkan Zainab meneruskan pengajiannya walaupun Zainab bersungguh-sungguh meminta kebenarannya. Abangnya memberi alasan pada ibunya yang Zainab telah diajar oleh ayah sikap berani dan degil, dia tidak mendengar selain dari kehendak dan pemikirannya saja, oleh itu memadailah dengan apa yang telah dipelajari di kampung. Ibunya sendiri berpendapat Zainab perlu patuh kepada abangnya kerana kedudukannya sebagai seorang bapa (<http://www.ikhwanwiki.com/index.php>).

Tetapi Allah SWT membantunya melalui Ali, abang ke duanya yang berpendapat bahawa dengan memberi peluang Zainab belajar dapat membentuk pemikirannya dan boleh memperbetulkan pandangannya terhadap banyak perkara terutama terhadap manusia. Dia telah membekalkan Zainab dengan beberapa buku dan yang terpenting buku karya *Aisyah al-Taimury* mengenai wanita dan kebebasan. Zainab membacanya hingga dapat menghafal sebahagian besar dari kandungannya tetapi bagi Zainab belum memadai untuknya dengan buku-buku dan pembacaan secara umum.

Pada suatu hari, ketika Zainab berusia dua belas tahun, beliau keluar bersendirian daripada rumahnya di *Haiyi Syubra* dan terpandang ke sebuah sekolah khas untuk pelajar perempuan. Zainab dengan keberanian dan kebijaksaannya berjaya melalui beberapa ujian kelayakan yang dapat meyakinkan pihak pengurusan sekolah hingga diberi peluang belajar di sekolah tersebut (<http://www.ikhwanwiki.com/index.php>).

Di samping berkesempatan belajar di beberapa sekolah kerajaan, Zainab juga turut bertalaqqi ilmu agama dengan beberapa *masyaekh* yang terdiri daripada tokoh ulama' al-Azhar al-Syarif seperti Syeikh Ali Mahfuz, Ketua Bahagian Pengajaran dan Bimbingan di al-Azhar, Syeikh Muhammad Sulaiman an-Najjar dan Syeikh al-Majid al-Labban. Dengan cara ini Zainab berjaya melalui dua systempendidikan iaitu antara disiplin ilmu moden dan pengajian tradisi yang berorientasikan pengajaran secara *talaqqi* daripada para *masyaekh* (Ibn-Hasyimi, 1989).

3. Kitab Tafsir *Nazarat Fi Kitabillah* : Pengenalan

Penulisan tafsir dalam bentuk baru yang berukuran sederhana ini telah disempurnakan oleh Zainab al-Ghazali di permulaan 90an. Jilid pertama

mengandungi tafsir dari surah Al-Fatihah, hingga surah Ibrahim, telah dicetak dan diterbitkan oleh Syarikat *Dar al-Syuruq* pada 1995, buku ini telah disemak dan beri prakata oleh Prof.Dr. *Abdul Haie al-Farmawy*. Pada tahun 2011, setelah lebih empat tahun kewafatan penulisnya, cetakan ke dua yang mengandungi tafsir al-Quran yang lengkap dalam dua jilid telah diterbitkan oleh Syarikat *Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyah*. Jilid ke dua mengandungi tafsir bagi baki surah-surah al-Quran al-Karim (<http://www.alukah.net/web/al-shehry/0/27519/#ixzz2yRU5qyCR>).

Dalam prakata yang diberikan oleh penyunting kitab ini; Prof.Dr.*Abd.Haei al-Farmawy* tidak lupa menyenaraikan beberapa faktor yang menjadi asas kepada terhasilnya penulisan tafsir tersebut. Di antaranya ialah: Ilmu yang dimiliki, pengalaman hidup yang dilalui, kecintaan yang mendalam pada diri penulis terhadap al-Qur`an serta rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap amanah dakwah sebenar pada diri tokoh mujahidah Zainab al-Ghazali al-Jubaily (<http://www.ikhwanwiki.com/index.php>).

Ketika jilid pertama tafsir *Nazarat Fi Kitabillah* berjaya diterbitkan, Zainab (1994 : 5-7) dalam komentarnya melalui kiasan katanya yang indah mencatatkan objektif penulisannya :

“ *Saya amat mencintai al-Quran hingga dapat menghayatinya. dapat hidup dengannya, saya ingin pula berkongsi apa yang saya dapat bersama orang yang saya cintai, saya kongsi sebahagian pengajaran para mufassirin, walaupun begitu saya tidak mengatakan saya seorang ahli tafsir, tetapi saya memang pencinta al-Quran, sangat kasih terhadapnya. Seorang kekasih akan berkongsi dengan orang yang dikasihinya dan gemar bercerita dan duduk bersama orang yang dikasihinya memeluk orang yang dikasihinya jadi saya memeluk al-Quran, berbicara dengannya dan berbicara kerananya kepada million orang ramai dari kalangan para mukminin mukminat, muslimin dan muslimah, dan saya hidup berkongsi dengannya di beberapa masjid selama lebih dari 60 tahun, iaitu usia dakwah yang telah saya asaskan di masjid sejak tahun 1937.*”

4. Tarbiyyah Dalam Surah Luqman Menurut Zainab al-Ghazali

Surah Luqman terdiri dari 34 ayat, termasuk dalam surah-surah *Makkiyah*, diturunkan selepas surah *As-Shoffaat*. Dinamakan ‘Luqman’ kerana pada ayat 12 diceritakan bahawa Luqman telah diberi oleh Allah SWT nikmat dan ilmu pengetahuan, ia diminta untuk bersyukur kepada Allah atas nikmat yang diberikan. Pada ayat 13 hingga 19 terdapat nasihat-nasihat Luqman kepada anaknya yang merupakan isyarat dari Allah supaya setiap ibu bapa perlu melaksanakan pentarbiyahan kepada anak-anak mereka sebagaimana yang dilakukan oleh Luqman.

i. Nilai Kesyukuran Kepada Allah

Firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 12 :

وَلَقَدْ آتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنْ اشْكُرْ لِلَّهِ وَمَنْ يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ
حَمِيدٌ □ ا

Maksudnya

Dan sesungguhnya kami telah berikan hikmat kepada Luqman iaitu bersyukur kepada Allah dan barang siapa yang bersyukur (kepada Allah) sesungguhnya ia bersyukur untuk dirinya sendiri, dan barang siapa yang tidak bersyukur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Terpuji.

Menurut Zainab (2011: 285) melalui kisah Luqman, Allah SWT mendidik hambaNya agar bersyukur atas nikmat ilmu, hikmah dan kefahaman yang dikurniakanNya. Tanpa taufiq dan pertolongan Allah SWT, seseorang hamba tidak mampu melakukan apa-apa. Allah SWT juga menegaskan bahawa bila mana seseorang bersyukur, kesyukuran itu melayakkan seseorang untuk mendapat ganjaran berganda daripada Allah SWT. Kerana Allah SWT akan menambah orang yang mensyukuriNya dengan beberapa balasan. Sebaliknya sesiapa yang kufur dan tidak bersyukur, Allah SWT tetap Kaya dan Terpuji.

ii. Akidah Asas Tarbiyyah Islam.

Ketika memulakan tafsir terhadap ayat berikut, Zainab (2011: 285) terlebih dulu menarik perhatian pembaca terhadap kepentingan nasihat dan pesan Lukman kepada anaknya dengan ungkapannya :

“Ingatlah hai orang yang bersedia menerima peringatan!”

Firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 13 :

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبِيهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ □ ١

Maksudnya :

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya di waktu memberi pengajaran kepadanya `Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya adalah benar-benar kezaliman yang besar.

Ketika mentafsirkan ayat yang menceritakan kisah Luqman dengan anaknya, Zainab menjelaskan bagaimana pentingnya peranan seorang ayah dalam pendidikan anaknya dan apakah asas utama nasihat dan pendidikan yang perlu diterapkan kepada diri anaknya. Dengan menjadikan Luqman sebagai contoh dalam menasihati dan memimpin anaknya ke arah kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhir. Zainab menekankan tentang kepentingan menanam asas akidah dalam tarbiyah melalui pelaksanaan ibadat kepada Allah SWT semata-mata tanpa menyekutukan sesuatu denganNya. Syirik adalah suatu kezaliman yang besar. Sebagai seorang *Murabbiah*, Zainab (2011:285) mengungkapkan atas lisan Luqman dengan seruannya :

“Wahai anakku, bina dan gabungkan dirimu dalam kalangan hamba Allah mengasakannya, mengagongkannya dan mentaatinya. Kepatuhan kamu kepada Allah SWT, dapat menjamin kebahagiaan Dunia dan akhirat bagi kamu”

iii. Berbakti Kepada Dua Ibubapa

Firman Allah SWT pada ayat 14 :

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى وَهْنٍ □ وَفِصْلَةٌ فِي عَامَتَيْنِ أَنْ أَشْكُرَ لِي

وَلَوْلَدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ١

Maksudnya:

“Dan kami perintah kepada manusia (berbuat baik) kepada dua ibu bapanya, ibunya mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah dan menyusunya tahun. Bersyukur kepadaKu dan kepada dua ibu bapamu, hanya kepadaKu tempat kembalimu.”

Ketika mentafsirkan ayat ini Zainab (2011: 285) menegaskan tentang kewajipan mentaati perintah Allah SWT dan larangan menyengutukannya dengan sesuatu. Zainab berusaha menambah kefahaman pembaca terhadap kepentingan perintah berbuat baik kepada kedua ibu bapa dengan menekankan bahawa Allah tentukan penyebab kepada kewujudan anak dalam hidup ini adalah kedua ibu bapanya. Atas faktor itu juga Allah SWT memerintahkan anak perlu mensyukuri ibu bapanya selepas perintah untuk mensyukuri Allah SWT.

Dalam mentafsirkan firman Allah SWT pada ayat 14 :

(حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَذَا عَلَىٰ وَهْنٍ □ وَفِصْلَةٌ فِي عَامَتَيْنِ)

Zainab (2011:285) turut menekankan bahawa kesulitan yang ditanggung oleh ibu ketika mengandung, melahirkan, menyusukan anaknya dan berjaga malam tanpa rehat, dengan menanggung pelbagai kepayahan, menjadi faktor yang mewajibkan ketaatan anak kepada ibunya. Beliau turut menyentuh tentang emosi dan naluri seorang ibu, katanya:

“ Ia dikandung ibunya di dalam rahimnya selama sembilan bulan dalam situasi cemas antara harapan dan kesakitan, dianatara kepayahan dan harapan. Ketika ibu terasa semakin sakit, terasa reda bila mengingatkan anak yang bakal lahir. Betapa banyak lagi beban tanggungjawab yang menanti pengorbanannya selepas anaknya dilahirkan. menyusu, dan keletihan serta kepenatan yang berbagai”.

Dalam masa yang sama, Zainab (2011:285) terserlah sifat seorang murabbi, turut menyentuh unsur pendidikan iman dengan menanam perasaan reda kedalam hati para ibu dengan tanggungjawab dan pengorbanan mereka melalui firman Allah SWT :

(أَنْ أَشْكُرَ لِي وَوَلَدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ١٤)

Zainab mengiringi tafsir ayat ini dengan katanya:

“ maksudnya: Sesungguhnya Aku kan memberi ganjaran kepada kamu para ibu diatas kepayahan yang kamu alami itu dengan ganjaran yang lumayan”.

Zainab (2011: 285) turut membuat kesimpulan dari tafsiran ayat-ayat yang dijelaskan dengan katanya:

“ Dengan demikian, seseorang manusia apabila matang akal dan jasadnya, menjadi kewajipan pertamanya ialah hendaklah bersyukur kepada

Allah SWT dengan mentaatinya, melaksanakan segala perintah yang disyariatkan dan hendaklah ia yakin bahawa tempat kembalinya yang terakhir hanya kepada Allah .hendaklah ia bersegera dalam melaksanakan segala apa yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah Yang Maha Mulia, Terpuji, Asadan Tunggal“

iv. Hubungan Dengan Ibu Bapa Yang Kafir

Firman Allah SWT pada ayat 15 :

وَإِنْ جَهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا
مَعْرُوفٌ ۚ
وَأَتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّتُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ١٥

Maksudnya:

Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikutinya, dan pergaulillah keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepadaKu, kemudian hanya kepadaKulah kembalimu, maka Ku beritakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan.

Zainab (2011:285) ketika menjelaskan hubungan anak dengan kedua ibu bapa,. Turut menyebut bahawa jika kedua ibu bapa tidak beragama Islam dan berusaha untuk mengeluarkan anaknya dari jalan Allah, maka tidak wajib bagi anak mentaatinya. Tetapi dalam masa yang sama Islam tetap menekankan kewajipan anak untuk menghormati kedua ibu bapanya dan mempergauli keduanya dengan baik serta mempercukupkan perbelanjaan hidup mereka disertai dengan tetap menghormati, menziarahi dan mengekalkan pergaulan yang baik dengan mereka selama hayat mereka. Dengan huraian ini dapat memperlihatkan kepada pembaca bagaimana ketokohan Zainab seorang murabbi yang memahami keunggulan pendidikan Islam yang merangkumi *prinsip rahmatan lil alamin* iaitu turut menjaga kepentingan manusia sejagat.

v. Pembentukan Peribadi Muslim

Zainab (2011:285) mengingatkan pembaca bahawa Allah menceritakan kisah Luqman al-Hakim dan siri nasihat nya kepada anaknya itu supaya dapat dicontohi oleh para ibu bapa.

a. Pentarbiyahan Rohani

Firman Allah SWT pada ayat 16 :

يُنَبِّئُ إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ ۚ مِنْ خَرْدَلٍ ۚ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي
الْأَرْضِ

يَأْتِ بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ۚ ١٦

Maksudnya:

(Luqman berkata) "Wahai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perkataan) seberat biji sawi dan berada dalam batu atau di langit atau dalam bumi, nescaya Allah akan mendatangkannya (membalasnya). Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui"

Dalam mentafsirkan ayat ini, Zainab (2011:286) cuba memperlihatkan bagaimana Luqman menyentuh sudut kerohanian anaknya. Ia berusaha menanam keyakinan anaknya terhadap keujudan Allah SWT dan *muraqabatullah* (pengawasan) terhadap seluruh perbuatan makhlukNya. Tiada sesuatu yang tersembunyi dari ilmuNya. Oleh itu kita wajib takut kepadaNya, taat dengan segala perintahNya, dan jangan sekali-kali mendurhakaiNya. Sesungguhnya Allah Maha Santun dengan makhlukNya, Maha Suci Allah juga Maha Mengawasi segala amalan hambaNya dan mampu mengazab mereka dengan azab yang amat pedih.

b. Pembinaan Peribadi

Firman Allah SWT pada ayat 17:

يٰۤاَيُّهَا اَقِمِ الصَّلٰوةَ وَاْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَاَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاَصْبِرْ عَلٰۤى مَا اَصَابَكَ اِنَّ ذٰلِكَ مِنْ
عَزْمِ الْاُمُوْر ۱۷

Maksudnya:

Hai anakku dirikan solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk dalam hal-hal yang diwajibkan oleh Allah.

Ketika menceritakan tentang kesah Luqman berusaha membentuk keperibadian anaknya, Zainab (2011:286) menyebut bahawa Luqman tidak lupa menasihati anaknya menunaikan kewjipan pada diri dan masyarakat di antaranya :

- Solat :

Luqman menasihati anaknya agar melaksanakan solat dengan menjaga batas- batasnya, kesempurnaan segala syarat-syarat dan waktunya, kerana solat adalah tiang agama dan sumber kebaikan didalam kehidupan manusia.

- Dakwah & Qudwah :

Luqman juga menasihati anaknya agar berusaha mengajak manusia ke arah kebaikan dan mencegah dari kemungkaran serta berusaha menjadikan diri contoh dan *qudwah* dapat membentuk diri pendakwah ke arah yang lebih baik.

- Sabar :

Luqman tidak lupa mengingatkan anaknya agar memiliki sifat sabar kerana ia adalah asas segala kebaikan. Sabar pada segala kesulitan yang menimpa kita di dunia ini dan sabar terhadap sikap buruk manusia yang kita hadapi ketika melaksanakan kerja-kerja menyuruh manusia ke arah kebaikan dan mencegah mereka dari kemungkaran. Sabar adalah sebaik- baik keadaan dan semulia-mulia sifat.

c. Akhlak Mulia

Firman Allah SWT pada ayat 18 :

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ □ □ ١٨

Maksudnya:

Dan janganlah kamu memalingkan mukamu dari manusia (kerana sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkoh. sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membangga diri.

Zainab (2011:286) menceritakan bagaimana Luqman mengajar anaknya untuk menjadikan dirinya contoh peribadi dan akhlak mulia. Diantara pesannya ialah jangan merasa lemah kerana sikap tersebut boleh melemahkan jiwa. Sebaliknya jangan pula meninggikan suara ketika berbicara dengan manusia atau jangan bersikap kasar dan sombong, manusia bakal membenci kamu. Malah sesungguhnya Allah SWT tidak menyukai hambaNya yang angkoh dan sombong terhadap sesama manusia.

Ketika mentafsirkan ayat 19 daripada surah Luqman pada firman Allah SWT:

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ١٩

Maksudnya:

Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.

Zainab (2011:286) menjelaskan bagaimana nasihat Luqman kepada anaknya menyentuh pelbagai tata tertib dan pembentukan peribadi dengan katanya :

“ Jadikan langkah perjalanankamu sederhana dan tenang, Jangan terlau cepat dan jangan pula terlalu lambat. Kawal Nada suara kamu, jangan sampai tinggi memeranatkan yang tidak membawa apaapa faedah. Jangan pula terlalu rendah hingga tidak dapat didengar. Serlahkan diri sebagai insan semasa kamu diam dan semasa berbicara kepada manusia. Wahai anakku pastikan diri kamu peribadi yang sentiasa dalam keadaan seimbang.”

Dari tafsir ayat tersebut Zainab (2011:286) membuat rumusan yang memaparkan kematangan dan kefahaman yang dalam tentang asas tarbiyah dan sikap yang perlu ada pada diri setiap insan dengan katanya :

‘Begitulah sepatutnya terbentuk pada diri sesaorang insan yang matang jasad dan akalnya. Di antara kewajipannya :

- i. *Perlu mensyukuri Allah SWT dengan metaatiNya melaksanakan segala perintah dalam SyariatNya.*

- ii. Hendaklah ia yakin bahawa kesudahan hidupnya hanya kepada Allah SWT.
- iii. Hendaklah Ia bersegera menunaikan apa yang dipertanggungjawabkan pada dirinya oleh Allah yang Maha Berkuasa , Bijaksana, Yang Maha Asa, Tunggul dan Sempuran kek usaanNya.
- iv. Menjadai kewajipan setiap muslim mengikut pandua al-Quran dan al-Sunnah, mengambil contoh tauladan daripada ahli taat dan pengikut islam yang patuh.
- v. Jika kedua ibu bapa tidak berada dijalan Islam dan berusaha menarik anak-anaknya daripada jalan Allah SWT, dalam situasi ini tidak wajib mentaati mereka.
- vi. Dalam masa yang sama Islam menggalakkan untuk memjaga hubungan baik dengan kedua-duanya dan menghormati kedua-duanya , di samping membekalkan perbelanjaan yang mencukupi dan memelihara hubungan baik dengan mereka.

Kesimpulan

Al-Quran adalah sebagai sumber panduan dan pentarbiyahan insan di muka bumi ini, justeru keperluan untuk memahami ajarannya adalah menjadi tanggungjawab keseluruhan umat manusia lelaki dan wanita. Perbincangan di atas memperlihatkan keunggulan Zainab al-Ghazali dalam bidang pendidikan Sebagaimana yang terserlah dalam keperibadian Zainab al-Ghazali kesan daripada pendidikan yang dilaluinya sejak kecil. Penulisannya dalam kitab tafsir *Nazarat* melalui surah al-Luqman ini menjelaskan bahawa membina keluarga muslim yang menjadi teras kepada ummah adalah berasaskan akidah yang benar iaitu berpandukan al-Quran selaras dengan tujuan penurunan al-Quran itu sendiri bagi membimbing dan memandu kehidupan insan. Justeru ia dilengkapi dengan kaedah dakwah agar kesemua aturan kehidupan adalah selaras dengan al-Quran dan dapat dihayati dalam kehidupan.

Rujukan

- Anuar al-Baaz. *Al-Tafsir al-Tarbawi Lil alQuran al-Karim*,2007.Dar al-Nasyr Li al-Jami'at,Mesir.
- Afaff Abd.Ghafur Hamid. *Juhud al- Mar'ah Fi Tafsir al-Qur'an Fi al'Asr al-Hadis*.2007.Majallah Kuliah al-Syari'at wa al-Dirasat al-Islamiyah.Qatar
- Ibn al-Hasyimi: *al-Daiyah Zainab al-Ghazali.Masirahj Jihad Wa Hadis Minal-Zikrayat Min Khilal Kitabatiha*. Dar al-I'tisam.1989.al-Kaherah
- Zainab al-Ghazali,*NazaaratFiKitabillah*,1994.Daral-Syuruq.Mesir,jilid.1.

- Zainab al Ghazali, *Nazaarat Fi Kitabillah*, 2011. Dar al-Nasyr wa al-Tauzi` al-Islamiah, Mesir, jilid.2.
- Muhammad al-Salik Muhammad Fal. *Al-Mar'ah Wa al-Tafsir: Al-Hadir al-Ghaib*. 2012. <http://aafaqcenter.com/index.php/post/152>.
- Badr Muhamad Badr, *Min Sutur Hayati ad-Daiyah Zainab al-Ghazali. ad-Da'iyah Wa Siasah Misriyah*, [http://www.ikhwanwiki.com/// Index.php](http://www.ikhwanwiki.com///Index.php)
- Sheikh Dr. Abd, Rahman bin Mu'adhah al-Syehry. *Sudur kitab: Nazarat Fi Kitabillah Li Zainab ra*. [http://www.alukah.net/web/al-shehry/0/27519 - /#ixzz2yRU5qyCR](http://www.alukah.net/web/al-shehry/0/27519-/#ixzz2yRU5qyCR)
- Zainab al Ghazali *alDa'iyah, wa Siasah Misriyah*, <http://www.ikhwanwiki.com/index.php>